


Pelajar ponteng sekolah diserbu

Simpan baju dalam beg elak ditangkap pihak berkuasa

Sinar Harian 11/08/2010 MS 85



■ Sebahagian pelajar pelbagai sekolah ditahan kerana ponteng.

WANGSA MAJU – Seramai 115 pelajar lelaki dan seorang pelajar perempuan berjaya ditangkap dalam operasi ponteng sekolah sekitar kawasan Parlimen Wangsa Maju di sini, semalam.

Ketua Balai Polis Wangsa Maju, Cif Inspektor Mispani Hamdan berkata, majoriti lokasi yang dikesan menjadi tempat pelajar terbabit ponteng sekolah termasuk di pusat kafe siber dan pusat membeli belah dalam kawasan ini.

Menurutnya, pihaknya sentiasa akan bekerjasama dengan mana-mana pihak dalam memastikan operasi menahan pelajar ponteng sekolah dapat dilaksanakan dan ia perlu dilakukan secara berkala.

Beliau berkata, majoriti pelajar yang ditahan masih memakai seluar sekolah dan sebahagiannya menyimpan pakaian sekolah dalam beg sebagai taktik mengelakkan mereka dikesan ponteng sekolah.

“Operasi perlu dilakukan secara berkala agar pelajar yang ponteng sekolah ini dapat ditangkap dan diambil tindakan.

“Bermula dengan sikap

ponteng sekolah ini sebenarnya permulaan untuk mereka terlibat dengan masalah sosial termasuk jenayah seperti curi motosikal,” katanya kepada Sinar Harian ketika ditemui di Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Rampai di sini semalam.

Turut serta dalam operasi itu, Timbalan Pengarah Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Keramat, Mustafa Kamal Mohd Noor, wakil Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Cawangan Wangsa Maju, Rosedi Sharif dan Timbalan Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) SMK Sri Rampai, Mohd Barnoh Siren.

Sementara itu, Pengetua Sekolah SMK Sri Rampai, Amran Abdul Hamid berkata, operasi yang dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), DBKL Cawangan Setiawangsa dan PPD Keramat, sebagai inisiatif pihaknya selaras dengan pelancaran kempen tahun Pemantapan Disiplin.

Menurutnya, operasi yang dilakukan bukan sahaja menahan pelajar sekolah Sri Rampai malah termasuk juga pelajar sekolah lain.

Beliau berkata, mereka



■ MISPANI HAMDAN

yang ditahan dibawa ke SMK Sri Rampai untuk diambil butiran peribadi serta memastikan pihak sekolah pelajar terbabit hadir untuk mengambil pelajar mereka.

“Ini salah satu usaha kita membendung masalah ponteng sekolah yang dihadapi di kebanyakan sekolah sekitar kawasan ini.

“Tidak kira mereka pelajar sekolah lain, kita turut menahan dan menangkap mereka atas rasa tanggungjawab dan berharap ia memberi keinsafan kepada mereka yang terlibat,” katanya.

Amran berkata, ada di antara pelajar terbabit bukan sahaja bersekolah di sekolah sekitar Wangsa Maju malah



“Ini salah satu usaha kita membendung masalah ponteng sekolah yang dihadapi di kebanyakan sekolah sekitar kawasan ini. Tidak kira mereka pelajar sekolah lain, kita turut menahan dan menangkap mereka atas rasa tanggungjawab dan berharap ia memberi keinsafan kepada mereka yang terlibat”

■ Amran Abdul Hamid

ada pelajar luar dari kawasan termasuk Ampang, Kampung Pandan dan bersekolah di Melaka.